

Headline	Jana pendapatan menerusi herba		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	17 Oct 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	41	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	499 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,495
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,486



# Jana pendapatan menerusi herba

Plot Model Kampung Herba yang akan dibangunkan di Kampung Sagil Parit 2 peluang penduduk buat duit

TANGKAK - Warga Kampung Sagil Parit 2, di sini, pastinya teruja dengan kewujudan Plot Model Kampung Herba yang akan dibangunkan di kawasan itu untuk dijadikan sebagai rujukan kelak kepada kumpulan penyelidik, penuntut universiti termasuk penduduk kampung khususnya.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, melalui penubuhan plot seluas 0.7 hektar itu, ia bakal menjadi tapak kajian jangka panjang milik institusi ini bagi menjalankan penyelidikan berkaitan herba terpilih.

"Spesies herba terpilih yang akan ditanam dalam plot ini termasuk merunggai (moringa oleifera), cucur atap (baeckea frutescens), senduduk putih (melastoma decemfidum), belalai gajah (clinacanthus nutans), mengkudu (morinda citrifolia), hempedu bumi (andropogon paniculata), misai kucing (orthosiphon stamineus), sambung nyawa (gynura procumbens) dan pecah beling (strobilanthes crispus).

"FRIM berharap ladang herba ini mampu menjana pendapatan tambahan kepada penduduk kampung bergantung kepada spesies



Abd Latif (duduk, dua kanan) bersama Md Ismail (duduk, dua kiri) bertukar MoU Penubuhan Plot Model Kampung Herba sambil disaksikan Hamim di Dataran Ilmu Herba Kampung Sagil Parit 2, Tangkak.

yang ditanam," katanya pada majlis memeterai perjanjian persefahaman (MoU) bersama Persatuan Peniaga Kecil Kampung Sagil (PPKS) Tangkak untuk bekerjasama menubuhkan Plot Model Kampung Herba bagi merakamkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Terdahulu, Abd Latif menandatangani MoU bagi pihak FRIM manakala Pengerusi PPKS, Datuk Md Ismail Hamdan mewakili Pengerusi Persatuan Peniaga Kecil Kampung Sagil, yang mana ia turut disaksikan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir Dr Hamim Samuri.

Hadirsama, Adun Gambir, Datuk M Asojan; Timbalan

Ketua Pengarah (Operasi) FRIM, Datuk Dr Rahim Sudin dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM, Dr Ismail Harun.

Abd Latif berkata, trend permintaan terhadap produk berasaskan herba semakin meningkat, seperti yang dibuktikan menerusi kajian yang menyatakan permintaan bahan mentah herba kira-kira 500 tan setahun, manakala nilai penawarannya hanya kira-kira 80 tan.

Menurutnya, kajian terkini FRIM menunjukkan 83 peratus bekalan bahan mentah kacip fatimah diperoleh daripada hutan semula jadi yang tidak mapan, berbanding hanya 17 peratus yang didapati dari perladangan

● **Permintaan bahan mentah herba kira-kira 500 tan setahun.**

● **Nilai penawarannya hanya kira-kira 80 tan.**

dan import.

"Aktiviti perladangan mempunyai potensi untuk menghasilkan bekalan bahan mentah yang bernilai komersial sekiranya diteroka dan diurus dengan baik.

"Ladang herba di Kampung Sagil ini dijangka mampu menjana pendapatan tambahan kepada penduduk kampung antara RM1,000 hingga RM2,000 se-



Abd Latif (dua, kiri) bersama Md Ismail (dua, kanan) dan Hamim (kiri) menandatangani simbolik plak MoU Penubuhan Plot Model Kampung Herba di Dataran Ilmu Herba Kampung Sagil Parit 2, Tangkak.

bulan, dalam tempoh sembilan bulan tempoh tuaian bergantung kepada spesies yang ditanam," katanya.

Sementara itu, Hamim menyambut baik penubuhan Plot Model Kampung Herba yang secara tidak langsung dapat menambah pendapatan penduduk kampung yang menyertai program penanaman pokok herba yang boleh dikomersialkan hingga ke peringkat antarabangsa.

Katanya, kolaborasi dan kerjasama antara FRIM dengan penduduk kampung yang diterajui PPKS amat perlu bagi merealisasikan program itu yang memberi man-

faat kepada peserta.

"Ini sebagai sumber pendapatan penduduk apabila penanaman kacip fatimah boleh ditanam secara integrasi di bawah kebun sawit dan getah, untuk naungan FRIM yang akan bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat mengenai penanamannya.

"Hasil tanaman herba yang dituai akan dibeli syarikat FRIM Incorporated yang ditubuhkan, berpotensi sebagai syarikat pembeli bahan tanaman herba yang dikomersialkan oleh penduduk kampung pada masa akan datang," katanya.